



UNIVERSITY OF CAMBRIDGE INTERNATIONAL EXAMINATIONS
International General Certificate of Secondary Education

CANDIDATE
NAME

CENTRE
NUMBER

--	--	--	--	--

CANDIDATE
NUMBER

--	--	--	--



MALAY

Paper 2 Reading and Directed Writing

0546/02

May/June 2013

1 hour 30 minutes

Candidates answer on the Question Paper.

No Additional Materials are required.

READ THESE INSTRUCTIONS FIRST

Write your Centre number, candidate number and name on all the work you hand in.
Write in dark blue or black pen.
Do not use staples, paper clips, highlighters, glue or correction fluid.
DO NOT WRITE IN ANY BARCODES.

Answer **all** questions in **Section 1, Section 2 and Section 3.**

At the end of the examination, fasten all your work securely together.
The number of marks is given in brackets [] at the end of each question or part question.

For Examiner's Use	
Section 1	
Section 2	
Section 3	
Total	

This document consists of **17** printed pages and **3** blank pages.

Bahagian 1

Latihan 1 Soalan 1–5




Pilih jawapan yang betul untuk soalan-soalan di bawah ini:

1 Kawan anda hantar mesej ringkas ini kepada anda.

Mahu pergi menonton filem?

Kawan anda mahu pergi ke mana?

- A
- B
- C
- D







[1]

2 Anda nampak papan tanda ini:

CUCI TANGAN ANDA

Anda perlukan apa?

- A
- B
- C
- D







[1]

3 Cuaca yang sesuai untuk berkelah di pantai pada hujung minggu

Gambar manakah yang anda pilih?

- A
- B
- C
- D



[1]

4 Abang anda meninggalkan nota ini.

Kami menang perlawanan bola sepak!

Abang anda ...

- A Lapar.
- B Sedih.
- C Haus.
- D Gembira.





[1]

5

Hadiah istimewa untuk ibu anda pada Hari Ibu

Apakah hadiah ini?

- A
- B
- C
- D



[1]




[Jumlah: 5 markah]

Latihan 2 Soalan 6–10

Lee dan kawan-kawannya sedang berbincang mengenai cara untuk menolong orang-orang tua yang tidak berkeluarga yang tinggal berhampiran sekolah mereka. Tulis huruf setiap orang dalam kotak yang betul:

A	Lee:	Kita boleh menolong mereka membeli-belah.
B	Syukri:	Kita boleh mengutip buku-buku dan hadiahkan kepada mereka.
C	Sam:	Kita boleh mengumpul pakaian untuk diberi kepada mereka.
D	Bakar:	Kita boleh menolong buat kerja rumah.
E	Hazel:	Kita boleh mengutip wang daripada orang ramai untuk membantu mereka.
F	Elena:	Kita boleh melatih mereka untuk menggunakan komputer.

5



[Jumlah: 5 markah]

Latihan 3 Soalan 11–15

Semasa cuti sekolah, Tommy bekerja di restoran bapa saudaranya. Baca tentang pengalamannya dan jawab soalan-soalan berikutnya dengan menandakan A, B atau C.

Saya perlu wang untuk bercuti dengan kawan-kawan saya. Bapa saya cadangkan saya bekerja dengan bapa saudara saya di restorannya. Pada mulanya saya tidak begitu berminat sebab saya tahu kerja di restoran mungkin teruk. Tetapi ibu saya kata saya tidak boleh takut kerja teruk.

Pada hari pertama, bapa saudara saya minta saya jadi pelayan. Susahnya! Saya tidak ada masa untuk duduk langsung. Tetapi selepas itu saya gembira dapat belajar cara masak daripada tukang masak. Saya sangat suka bekerja di sini.

Pada suatu hari ada majlis hari jadi. Makanan ditempah awal-awal lagi untuk 20 orang. Walaubagaimanapun, 30 orang datang. Kami tidak ada cukup tempat dan makanan juga mesti ditambah. Oleh kerana saya sudah belajar masak, saya boleh menolong bapa saudara saya di dapur.

Pada malam itu, oleh kerana para tetamu gembira dengan layanan yang diberi mereka telah memberi kami banyak tip atau wang hadiah. Malam itu saya mendapat RM100.00!

Saya tahu wang yang saya dapat sangat berguna untuk rancangan saya untuk bercuti, tetapi saya rasa pengalaman bekerja saya lebih penting dan berguna.

11 Tommy bekerja

A untuk mendapat pengalaman.

B sebab dia memerlukan wang.

C sebab dia mahu membeli hadiah.

12 Ibu Tommy menasihatkannya untuk

A bekerja keras.

B berehat.

C mencari pekerjaan lain.

13 Tempat di mana Tommy paling suka bekerja ialah

A ruang menyambut tetamu.

B dewan makan.

C dapur.

14 Masalah di majlis hari jadi itu ialah

A terlalu ramai orang.

B tetamu mengadu tentang makanan.

C tidak cukup pelayan.

15 Bagi Tommy apa yang paling penting ialah

A Pengalaman.

B Wang yang dia dapat.


C Kawan-kawan baru.

[Jumlah: 5 markah]


Latihan 4 Soalan 16

16 Anda sedang bercuti di sebuah bandar. Hantar sekeping poskad kepada kawan anda dan cerita tentang apa yang anda buat dan lihat berpandukan gambar-gambar di bawah. Tulis tidak lebih daripada **40** perkataan.

(a) Anda pergi dengan apa?



(b) Apakah yang ada di bandar ini?



(c) Apakah yang anda buat?



[Jumlah: 5 markah]

PLEASE TURN OVER FOR SECTION 2.

Bahagian 2**Latihan 1 Soalan 17–25**

Berikut ialah laporan akhbar mengenai seorang pelajar yang telah berjaya dalam satu pertandingan lukisan antarabangsa. Baca dan jawab soalan-soalan berikutnya:

Kuala Lipis (Ahad): Sejak kecil lagi Amar Faizee, 16 tahun, ingin menjadi pelukis terkenal. Cita-citanya ini tercapai apabila pelajar Sekolah Menengah Sentosa ini menang satu pertandingan lukisan antarabangsa yang dianjurkan oleh sebuah majalah pelajar di Perth, Australia.

Amar telah ternampak iklan pertandingan ini pada sebuah laman web. Semua pelajar di bawah umur 17 tahun boleh menyertai pertandingan ini. Tema lukisan ialah Remaja Bertanggungjawab.

Lukisan Amar yang diselesaikan dalam masa sebulan menunjukkan remaja-remaja Malaysia dari semua kaum bergotong-royong menolong penduduk kampung.

Amar tidak sangka dia akan menang. Apabila dia dihubungi melalui emel, dia sungguh terkejut. Dia tahu ada ramai lagi orang di serata dunia yang menyertai pertandingan itu.

“Saya fikir mungkin saya menang sebab pemandangan di kampung sangat indah, dengan sawah padi dan bukit. Saya lukis menggunakan cat air,” kata Amar semasa ditemui.

“Saya dijemput untuk pergi ke Perth untuk malam penyampaian hadiah. Tiket dan tempat tinggal diberi untuk dua orang. Saya akan ditemani oleh ibu saya kerana dialah yang menggalakkan saya untuk melukis,” kata Amar lagi.

Amar akan menerima wang tunai sebanyak RM15,000 dan dia berkata dia akan menyimpan wang ini untuk perbelanjaan semasa masuk universiti. Dia mahu belajar Sejarah Seni Lukis.

Amar dan ibunya, Nazira Ali, akan berlepas ke Perth bulan depan. Malam penyampaian hadiah ialah pada 10hb Jun 2013.

- 17 Apakah cita-cita Amar?
.....[1]
- 18 Dari manakah Amar mengetahui tentang pertandingan ini?
.....[1]
- 19 Siapakah yang boleh menyertai pertandingan ini?
.....[1]
- 20 Amar mengambil masa berapa lama untuk menghabiskan lukisannya?
.....[1]
- 21 Semasa mendapat tahu keputusan pertandingan itu ...
 - (a) Apakah perasaannya?
.....[1]
 - (b) Mengapa dia berasa begitu?
.....[1]
- 22 Pada pendapat Amar, mengapakah dia menang?
.....[1]
- 23 Siapakah yang akan pergi dengan Amar untuk mendapatkan hadiah itu?
.....[1]
- 24 Apakah yang Amar akan buat dengan hadiah yang dia terima?
.....[1]
- 25 Apakah yang Amar mahu belajar?
.....[1]

[Jumlah: 10 markah]

PLEASE TURN OVER FOR SECTION 3.

Bahagian 3

Latihan 1 Soalan 27–32

Baca laporan di bawah ini dan tandakan sama ada ayat-ayat berikutnya betul atau salah. Bagi setiap ayat yang salah, tulis satu ayat untuk membetulkannya.

Pada cuti sekolah tahun lepas, sekumpulan pelajar dari Sekolah Menengah Ampang Hilir telah membuat lawatan ke sebuah kampung di negeri Perlis, di utara Malaysia. Sekumpulan empat puluh orang pelajar yang berumur 16 tahun ini, telah dibawa oleh lima orang guru.

Tujuan lawatan ini ialah untuk melihat kehidupan orang-orang kampung yang bergantung kepada tanaman padi serta ternakan binatang untuk hidup.

Kumpulan ini, yang tinggal bersama beberapa buah keluarga di kampung itu, telah mendapat pengalaman yang sangat bernilai selama seminggu mereka di sana.

Dalam kumpulan ini ada dua puluh orang pelajar perempuan dan dua puluh orang pelajar lelaki dan mereka semua bersedia untuk membuat apa saja kerja yang dilakukan oleh penduduk kampung ini.

Mereka bermula pada pukul enam pagi. Setiap orang menolong untuk memberi makanan kepada ayam, kambing atau lembu ternak ibu-bapa angkat mereka. Oleh kerana para pelajar ini datang dari bandar mereka tidak pernah membuat kerja seperti ini. Ada yang takut pada kambing dan lembu, tetapi mereka tetap menolong.

Ada kumpulan yang pergi ke sawah padi untuk tolong menanam benih padi. Mereka juga mula bekerja dari awal pagi sebab kalau terlalu lewat, cuaca menjadi sangat panas. Para pelajar ini tidak biasa dengan lintah dan serangga yang terdapat di sawah padi. Mereka rasa insaf bahawa inilah yang terpaksa dilalui oleh semua petani. Daripada kerja teruk mereka ini, kita semua dapat makan nasi.

Mereka dapat melihat kehidupan tanpa segala kemudahan moden seperti komputer dan internet. Kanak-kanak bermain dengan permainan tradisional dan mereka tidak mengharapkan sangat hiburan dari television. Mereka ada lebih masa untuk belajar dan bermain.

Ketua kampung itu ialah seorang yang baik hati dan setiap malam mereka berkumpul di dewan besar kampung itu, di mana Ketua Kampung bercerita tentang cara hidup di kampung. Pada akhir seminggu mereka di sana, mereka berasa begitu letih sekali, tetapi mereka telah mendapat pengalaman yang berharga.

Contoh:

BETUL

SALAH

Kumpulan pelajar ini adalah kumpulan pelajar universiti.

Kumpulan pelajar ini adalah pelajar sekolah.

27 Para pelajar ini melawat kampung ini bersama guru-guru mereka.

28 Para pelajar berkhemah di padang berhampiran dengan kampung itu.

29 Para pelajar ini sudah biasa dengan kerja-kerja di kampung.

30 Mereka bekerja di sawah padi pada awal pagi.

31 Kanak-kanak di kampung ini sangat berminat dengan komputer.

32 Ketua kampung mengajar mereka lagu-lagu lama.

[Jumlah: 10 markah]

Latihan 2 Soalan 33–39

Alia menulis emel kepada kawannya, Katie, selepas bercuti bersamanya semasa cuti sekolah. Emel ini dan jawab soalan-soalan berikutnya.

Katie,

Saya selamat sampai dua hari lalu tetapi terlalu penat untuk memberitahu kamu saya sudah sampai. Lagipun, di kawasan perumahan saya tidak ada perkhidmatan internet selama satu hari.

Ibu-bapa saya menjemput saya di lapangan terbang dan mereka berkata saya nampak gemuk sedikit sebab makan terlalu banyak!

Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kerana melayan saya selama dua minggu saya di sana. Saya sungguh kagum dengan keindahan negara kamu – sungguh banyak pulau-pulau kecil yang indah. Walaupun cuaca sangat sejuk, saya suka bermain dengan salji dengan kawan-kawan kamu dari sekolah kamu. Mereka sangat baik. Jadi, kamu tidaklah sangat rindukan kawan-kawan di Malaysia sejak ibu-bapa kamu pindah ke sana?

Saya rasa kamu sudah dapat menyesuaikan diri kamu dengan keadaan di negara baru itu. Selain cuaca, budaya dan bahasa juga baru. Saya kagum dengan cara kamu dapat bercakap dalam bahasa mereka dalam masa setahun sahaja!

Saya tidak dapat melupakan pengalaman kita pergi ke sebuah pulau kecil tanpa ibu-bapa kamu. Dan kita terlepas bot untuk pulang dan terpaksa tunggu satu malam lagi sebelum menaiki bot keesokan harinya. Saya betul-betul takut pada masa itu sebab kita berdua sahaja dan tidak kenal orang di pulau itu. Nasib baik, ada bilik di sebuah hotel untuk kita!

Jadi, semua pengalaman ini tidak dapat saya lupakan. Dan saya ingin ucapkan terima kasih kepada kamu dan ibu-bapa kamu. Saya juga hendak beritahu bahawa saya tertinggal sebuah beg yang mengandungi cenderamata yang saya beli untuk ibu-bapa dan adik-adik saya. Kalau kamu ada masa, tolong poskan barang-barang itu kepada saya.

Terima kasih. Saya harap cuti tahun depan, kamu akan bercuti di Malaysia. Jaga diri,

Alia

Jawab soalan-soalan ini:

33 Mengapakah Alia tidak dapat mengirim berita kepulangannya kepada kawannya? Beri **dua** sebab.

(i) [1]

(ii) [1]

34 Pada pendapat ibu-bapa Alia, apakah perubahan pada Alia?
..... [1]

35 Bagaimanakah perasaan Alia tentang negara tempat tinggal kawannya?
..... [1]

36 Apakah yang mengagumkan Alia tentang penyesuaian Katie di negara baru itu?
..... [1]

37 Apakah masalah yang berlaku semasa lawatan mereka ke sebuah pulau kecil?
..... [1]

38 Mengapakah Alia berasa takut? Beri **dua** sebab.
(i) [1]
(ii) [1]

39 (a) Apakah yang Alia mahu Katie lakukan untuknya?
..... [1]
(b) Mengapa?
..... [1]

[Jumlah: 10 markah]





Permission to reproduce items where third-party owned material protected by copyright is included has been sought and cleared where possible. Every reasonable effort has been made by the publisher (UCLES) to trace copyright holders, but if any items requiring clearance have unwittingly been included, the publisher will be pleased to make amends at the earliest possible opportunity.

University of Cambridge International Examinations is part of the Cambridge Assessment Group. Cambridge Assessment is the brand name of University of Cambridge Local Examinations Syndicate (UCLES), which is itself a department of the University of Cambridge.

© UCLES 2013